



TEKS UCAPAN

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP
PUSAT KESELAMATAN MAKANAN NEGARA**

**19 DISEMBER 2024 | KHAMIS | 3.00 PM
NCFS, BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG,
SELANGOR**

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Segulai Sejalai

1. Syukur kita semua diberi peluang pada petang ini berkumpul bersama-sama untuk menyaksikan satu lagi detik bersejarah dalam Majlis Penyerahan satu Projek Siap yang dilaksanakan oleh JKR untuk diserahkan kepada Kementerian Kesihatan. Pusat Keselamatan Makanan Negara atau NCFS yang akan diserahkan nanti bakal menjadi sebuah mercu tanda yang akan memperkukuhkan sistem keselamatan makanan negara. Ini bukan sekadar penyerahan infrastruktur, tetapi satu manifestasi komitmen Kerajaan dalam memastikan rakyat Malaysia dilindungi daripada risiko keselamatan makanan dan kesihatan awam.
2. Saya mewakili Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Pasukan Projek dari Jabatan Kerja Raya (JKR) mengucapkan terima kasih kepada KKM atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk melaksanakan projek yang penting ini.
3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pengarah JKR Negeri Selangor selaku pengarah projek, begitu juga kepada pihak pengurusan dan ahli-ahli pelaksana projek

samada di pihak NCFS, JKR, termasuk Arkitek, Juru Perunding dan Kontraktor. Sesungguhnya berkat kerjasama yang kukuh dari semua pihak di semua peringkat projek sehingga ianya berjaya disiapkan dan diserahkan hari ini.

Tuan-Puan para hadirin yang saya hormati,

4. Untuk makluman semua, sehingga hari ini terdapat **150 projek Fasiliti Kesihatan** di mana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melantik **JKR Malaysia sebagai Agensi Pelaksana dengan kos bernilai RM14.64billion**. 16 projek darinya sedang dilaksanakan di Negeri Selangor. Perincian pecahan 150 projek yang dilaksanakan oleh JKR adalah seperti berikut:

- **36 projek** dalam peringkat **Pra-Pembinaan** bernilai **RM2.29billion**;
- **62 projek** dalam peringkat **Pembinaan** bernilai **RM8.22billion**; dan
- **52 projek** yang telah siap dalam tahun 2024 di peringkat **Pasca-Pembinaan** bernilai **RM4.13billion**

Bagi tahun 2024 sahaja, JKR telah berjaya membuat serahan sebanyak **19 projek siap Fasiliti Kesihatan** di seluruh Malaysia termasuk projek **Pusat Keselamatan Makanan Negara** yang diserahkan pada hari ini.

5. Projek NCFS ini telah dimulakan pada 24 April 2018 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 13 Disember 2024.
6. Bangunan NCFS ini telah dibangunkan secara **Reka & Bina Khas** menggunakan teknologi tinggi **Sistem Binaan Berindustri** atau IBS dengan skor IBS melebihi 70% bagi memastikan pembinaan yang efisien dan berkualiti tinggi. NCFS juga mengaplikasikan elemen **kecekapan tenaga (*Energy Efficiency*)** sekaligus menyokong kelestarian dan pembangunan mampan (*sustainable development*).
7. Skop projek NCFS mengandungi 6 blok utama yang terdiri daripada Blok Lobi Utama yang mengandungi kemudahan Dewan Serbaguna, Dewan Latihan, Makmal Komputer dan Surau. Blok A mengandungi ruangan pejabat dan Mini Studio. Blok B mengandungi kemudahan bagi Sokongan Analitikal, manakala Blok

C adalah blok yang menempatkan Cawangan Teknologi Industri dan Pemprosesan Makanan.

8. Saya yakin YB Menteri Kesihatan akan menerangkan ciri-ciri dan fungsi NCFS secara terperinci dalam ucapan beliau nanti.

Para Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian,

9. Saya dan KKR berharap dengan siapnya fasiliti NCFS ini, kualiti dan tahap keselamatan makanan di Malaysia samada yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan mahupun yang diimport akan sentiasa menepati piawaian antarabangsa, melindungi kesihatan rakyat dan memberikan mutu penyampaian perkhidmatan kualiti makanan yang terbaik kepada rakyat.
10. Saya menyeru kepada kontraktor supaya melaksanakan semua tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Saya arahkan pihak JKR Negeri Selangor untuk memantau rapi setiap *checklist* yang perlu dilaksanakan mengikut peraturan

yang berkuatkuasa walaupun selepas proses penyerahan bangunan.

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung, atas kejayaan melaksanakan dan menyiapkan projek ini.
12. Marilah kita berdoa dan memastikan projek NCFS ini akan memberikan manfaat terhadap taraf kesihatan rakyat dan mempertingkatkan kualiti dan keselamatan makanan negara.

Sekian terima kasih.